



Anwar bersama Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi serta Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Dr Johari Abdul hadir pada Perhimpunan Agung Pengakap Johor (PAPJ) ke-27 di Pantai Tanjung Leman, Mersing, semalam. (Foto BERNAMA)

Mempertahan hak Islam, Melayu asas perpaduan

Hak kaum lain sebagai warganegara tetap tidak dinafikan

Mersing: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perpaduan di negara ini akan terjamin jika hak majoriti Melayu dan Islam dipertahankan tanpa menafikan hak kaum lain yang juga warganegara Malaysia.

Perdana Menteri berkata, hal itu adalah asas perpaduan ne-

gara yang dipegang selama ini.

“Kalau kita mahu jamin perpaduan, negara ini majoriti Melayu, Islam, mesti pertahankan hak mereka. Tetapi negara ini juga mesti jamin hak semua warganegara, (kaum) Cina, India, Orang Asli, Dayak, Kadazan,” katanya pada sesi Temu Anwar bersempena Perhimpunan Agung Pengakap Johor ke-27 (PAPJ27) di sini, semalam.

Mengenai peranan dan tanggungjawab golongan muda sebagai pemimpin dan pewaris masa depan negara, Anwar berkata golongan itu perlu diberikan ruang, latihan serta kesempatan seluas-luasnya untuk membina disiplin dan kemahiran mereka.

“Kalau anak-anak muda yang

cukup terlatih dan disiplin, masa depan kita itu lebih terjamin. Siapa yang akan menjadi pewaris? Anak-anak muda. Siapa yang menentukan masa depan? (anak muda),” katanya.

Fokus keamanan serantau

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini memberikan tumpuan kepada agenda keamanan, keterhubungan digital serta tenaga serantau yang dapat memperkukuh hubungan antara negara anggota.

Beliau turut menyambut baik cadangan untuk mengadakan perhimpunan pengakap ASEAN sebagai platform memperkukuh kerjasama belia di rantau ini.

Katanya, pengakap akan kekal relevan sepanjang zaman kerana nilai asas dipupuk persatuan itu ialah kemanusiaan dan ihsan.

“Dia (pengakap) relevan 100 tahun lalu, dia akan relevan 100 tahun akan datang, melainkan manusia itu sudah hilang kemanusiaannya. Kalau manusia kekal menjadi manusia, badan-badan yang memupuk nilai manusiawi kemanusiaan atau insani yang ini, akan kekal relevan.

“Cuma tentulah, ada kemahiran (pengakap) dahulu tak cakap soal digital, tak bicara soal AI. Sekarang kita bicara soal itu. Tapi dia (pengakap) tak hilang tunggakunya. Apa tunggakunya? Kemanusiaan dan ihsan,” katanya.

BERNAMA